

# Peraturan tegas, tekad politik senjata perang ketirisan

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui undang-undang yang tegas dan tekad politik yang kuat menjadi senjata utama dalam memerangi jenayah rasuah.

Perdana Menteri berkata, selain Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), agensi penguatkuasaan utama lain juga harus memainkan peranan bersama dalam agenda rasuah.

Isu rasuah tidak boleh dipandang ringan dan semua pihak termasuk masyarakat awam perlu memainkan peranan membanteras permasalahan itu.

“Bila kita luncurkan agenda ini (Strategi Pembanteras Rasuah Nasional/NACS), ya tentu tonggakannya masih SPRM, tetapi ia juga membabitkan yang lain (seperti) Lembaga Hasil Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan agensi lain yang harus memastikan negara ini beranjak daripada ketelanjuran lalu dan lebih bertekad untuk membanteras (rasuah).

“Saya punya keyakinan kepada Azam (Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki) dan keluarga SPRM yang telah diberi amanah, kepercayaan dan dukungan ...tidak kenal darjat dan kedudukan (membanteras rasuah) supaya rakyat dapat me-



Anwar menunjukkan buku Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 pada majlis peluncuran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam yang turut dihadiri Ahmad Zahid dan Fadillah, Mohd Zuki Ali dan Azam. (Foto BERNAMA)

sej yang jelas,” katanya ketika berucap melancarkan Strategi Pembanteras Rasuah (NACS) 2024-2028, semalam.

NACS 2024-2028 menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 menjadi komponen penting agenda reformasi Malaysia yang menggariskan strategi teras secara menyeluruh dalam usaha pencegahan rasuah di

Malaysia.

Anwar menjelaskan, ketirisan berbilion ringgit seperti yang dinyatakan SPRM mampu menyelamatkan dan membasmi kemiskinan rakyat.

“Bayangkan pembasmian kemiskinan, sekolah, nelayan, petani, pesawah mampu diselesaikan apabila negara diselamatkan dari kerasukan, tamak haloba sa-

ma ada oleh kumpulan penjawat awam dan swasta,” katanya.

Anwar turut ingatkan SPRM terus berani dan tidak ‘terpu-kau’ ketika menjalankan siasatan terhadap golongan atasan, berpengaruh dan berdarjat.

Katanya, dalam usaha memerangi gejala rasuah, golongan berkenaan akan terus menekan agensi penguatkuasaan itu untuk

terlepas dari undang-undang.

“Saya mempunyai keyakinan kepada keluarga SPRM yang diberikan mandat (menyiasat) tidak mengenal darjat dan keturunan.

“Rakyat perlu tahu, apa sahaja sanggahan dan lontaran kepada kita, tujuannya adalah untuk menyelamatkan nasib mereka,” katanya.